

Belia mesti cemerlang – Najib

Oleh YULPISMAN ASLI dan
NORIZAN ABDUL MUHID

KUALA LUMPUR 22 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan para pemimpin belia supaya mempunyai idealisme dalam perjuangan jika mahu menjadi pemimpin yang hebat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, idealisme itu mestilah dicari di persekitaran mereka dan seharusnya mendorong mereka untuk membuat sesuatu dengan lebih cemerlang berbanding orang lain.

Katanya, persekitaran yang dilalui oleh mereka secara tidak langsung akan membentuk ciri-ciri perjuangan seseorang pemimpin.

Beliau menarik perhatian bagaimana persekitaran yang dilalui oleh ayahandanya, Allahyarham Tun Razak, telah membina idealisme perjuangan bekas Perdana Menteri ini untuk menghapuskan kemiskinan.

Kata Najib, perjuangan Allahyarham Tun Razak turut didorong oleh kepayahan hidup yang dilaluinya iaitu tidak berkesat untuk pergi ke sekolah di tepi Sungai Pahang dan hanya membuat latihan Matematik atas pasir tanpa mempunyai papan hitam.

"Kalau hendak menjadi pemimpin yang hebat - kalau tak hebat pun, pemimpin yang berkualiti, atau berkaliber - sekurang-kurangnya kita mestilah mempunyai idealisme dalam perjuangan.

"Biarlah kita sebagai seorang pemimpin mempunyai sesuatu

yang kita hendak perjuangkan supaya kita bukan menjadi seorang pemimpin yang pasif tetapi kita inginkan jawatan dan pengaruh kerana melaluinya kita boleh merubah keadaan kepada yang lebih baik lagi," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Pemimpin Muda Kebangsaan dan pelancaran siri latihan Pemimpin Muda Majlis Belia Negara di sebuah hotel di sini hari ini.

Konvensyen dua hari anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) itu dihadiri 1,000 pemimpin belia.

Najib turut menekankan pembentukan generasi baru yang perlu menjadi keutamaan dalam perjuangan pertubuhan belia di negara ini.

Katanya, Malaysia tidak mungkin mencapai status negara maju pada tahun 2020 jika masyarakatnya gagal membentuk generasi belia yang berkualiti.

Justeru, beliau menggariskan empat strategi utama untuk memperkasakan generasi muda, iaitu:

- Membentuk modal insan yang berminda kelas pertama dan mempunyai ilmu pengetahuan serta bermaklumat.

- Membentuk pemikiran dan minda positif.

- Memperkasakan kesejahteraan sosial masyarakat.

- Meningkatkan kualiti hidup belia dan rakyat di bandar dan luar bandar.

"Kita percaya jika keempat-empat komitmen itu dapat dilaksanakan secara serius melalui peranan belia hari ini, maka masyarakat pasti mampu bangkit untuk



NAJIB Tun Razak menandatangani banting bersama Azalina Othman Said, Dr. Mohamad Khir Toyo, Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan Presiden MBM, Shamsul Anuar Nasarah (kanan) pada Konvensyen Pemimpin Muda Kebangsaan di Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar RASHID MAHFOD

maju dan menikmati kehidupan berkualiti tanpa terlalu bergantung kepada kerajaan ataupun pertolongan pihak luar," katanya.

Sementara itu pada sidang akhbar, Najib yakin pelaksanaan Akta Pembangunan Belia 2006 tidak akan menyebabkan negara ketandusan pemimpin muda berbakat dan berkebolehan untuk

menerajui persatuan-persatuan belia.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri percaya pelaksanaan akta itu akan mendorong persatuan-persatuan belia membuat penyesuaian dengan mengetengahkan pemimpin-pemimpin muda yang memahami hasrat dan cita rasa mereka sendiri.

Melalui pendekatan itu, kata beliau, pemimpin muda tersebut akan mempunyai masa yang lebih panjang untuk menunjukkan kemampuannya.

Tambahan pula, katanya, akta seumpama itu, malah ada yang mengesahkan umur pemimpin belia di bawah 30 tahun, telah pun dilaksanakan di negara maju.